

DD16

U B821 AAB
MAHATHIR - PBS

TELUK INTAN, 18 OKT (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD YAKIN PARTI BERSATU SABAH (PBS) AKAN KESAL KELAK KERANA MEMPERCAYAI KATA-KATA PRESIDEN SEMANGAT 46 TENGGU RAZALEIGH HAMZAH KONONNYA SABAH DAN SARAWAK MERUPAKAN KUASA YANG AKAN MENENTUKAN SIAPA YANG MEMIMPIN KERAJAAN.

PERDANA MENTERI BERKATA PBS TELAH MEMBUAT PERHITUNGAN YANG SILAP DENGAN BERASA YAKIN MEREKALAH YANG AKAN +MELETAKKAN MAHKOTA DI ATAS KEPALA ORANG YANG AKAN MEMIMPIN KERAJAAN+.

+PBS INGIN MENJADI KINGMAKERS, DIA NAK TENTUKAN KERAJAAN. INI ADALAH PERHITUNGAN YANG SILAP...DIA AKAN KESAL KEMUDIAN HARI,+ KATANYA SEHASA BERUCAP PADA PERJUMPAAN DENGAN RAKYAT DI SEKOLAH MENENGAH HUTAN MELINTANG, KIRA-KIRA 12 KM DARI SINI.

MENURUTNYA PRESIDEN PBS, DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN PERCAYA KONONNYA PENDUDUK DI SEMENAJUNG TELAH BERPECAH DUA DAN SESIAPA SAHAJA YANG PBS SOKONG PASTI AKAN MENANG.

KATA PERDANA MENTERI, PARTI-PARTI KOMPONEN DI SARAWAK TIDAK PERCAYA TERHADAP DAKWAAN TENGGU RAZALEIGH ITU, DAN SEBALIKNYA MEREKA KEKAL DALAM BARISAN NASIONAL (BN). -- LAGI

1804MST 18 10 90

DD25

U B827 AAB
MAHATHIR - PBS 2 TELUK INTAN

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA BN SENTIASA MENEKANKAN KERJASAMA ANTARA KAUM, SAMA ADA DI SEMENAJUNG MAHUPUN DI SABAH DAN SARAWAK.

TETAPI, KATANYA, DATUK PAIRIN HANYA BERCAKAP TENTANG SABAH DAN MASYARAKAT KADAZAN SAJA, SEOLAH-OLAH +DIA DUDUK DI LUAR MALAYSIA+.

OLEH ITU, KATANYA, ADALAH SUKAR BAGI BN UNTUK BEKERJASAMA DENGAN ORANG YANG TAMAK SAPERTI ITU.

BELIAU BERKATA ADALAH PENTING BAGI RAKYAT BERBILANG KAUM SEPERTI DI MALAYSIA BELAJAR UNTUK BEKERJASAMA DAN TIDAK BERSIKAP KETERLALUAN.

KATANYA, KERJASAMA DALAM BN ADALAH IKHLAS DAN IA BERTUJUAN UNTUK MENGABDIKAN DIRI KEPADA RAKYAT. -- LAGI

1820MST 18 10 90

0026

U 8830 AAB
MAHATHIR - PBS 3 TELUK INTAN

+KITA SALING TOLONG MENOLONG DENGAN IKHLAS, LEPAS ITU KITA BENTUK KERAJAAN DAN MEMBERI LAYANAN YANG SAMA KEPADA SEMUA KAUM TERMASUK DI SABAH DAN SARAWAK,+ KATANYA.

ATAS DASAR KERJASAMA INILAH BN TIDAK MENGHADAPI MASALAH, UMPAMANYA UNTUK MELETAK CALON INDIA DI KAWASAN MAJORITI MELAYU ATAU SEBALIKNYA, KATANYA DAN SAMBIL BERJENAKA MENYEBUT +PERBEZAANNYA HANYA ANTARA SATAY DAN MURUKU SAHAJA+.

SEBALIKNYA, KATA BELIAU, KERJASAMA ANTARA PAS DAN DAP HANYA UNTUK MENGHADAPI PILIHAN RAYA TETAPI MEREKA BERSANDIWARA DI HADAPAN PENYOKONGNYA, KONONNYA MEREKA TIDAK BEKERJASAMA.

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA MENINGGATKAN PENYOKONG PAS BAHAWA KARPAL SINGH PERNAH BERKATA, +LANGKAH MAYAT DIA DULU KALAU NAK DIRIKAN NEGARA ISLAM DI NEGARA INI.+

MENGENAI PARTAI RAKYAT MALAYSIA (PRM), PERDANA MENTERI BERKATA PARTI ITU SEBENARNYA MASIH BERFAHAMAN +SOSIALIS+ MESKIPUN MEREKA TELAH MENGSUGURKAN PERKATAAN +SOSIALIS+ DARIPADA NAMA PARTI ITU.

BELIAU JUGA MENINGGATKAN RAKYAT TENTANG PENTINGNYA BN MENDAPATKAN LEBIH DUA PERTIGA KERUSI PADA PILIHAN RAYA UMUM Hujung MINGGU INI AGAR KERAJAAN TERUS KUKUH DAN TIDAK MUDAH DIUGUT OLEH ORANG YANG SUKA +MELOMPAT KELUAR PARTI.+

MENTERI BESAR PERAK TAN SRI RAMLI NGAH TALIB, MENTERI PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN DATUK SERI RAFIDAH AZIZ DAN TIMBALAN MENTERI DALAM NEGERI DATUK MEGAT JUNID MEGAT AYUB TURUT HADIR. --

BERNAMA
1822MST 18 10 90